



(83) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 40

29 April 2010

Ketua Pengarang,
Kwong Wah Yit Poh

Tarikh : April 29, 2010
Muka Surat : A4
Subjek : 48 UNIT CCTV DI KAWASAN HITAM, PULAU PINANG

Di bawah NKRA, Rancangan Bandar Selamat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dipertanggungjawabkan untuk memasang 496 buah CCTV di 25 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk di Negeri Pulau Pinang.

Melalui kenyataan akhbar oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Lim Guan Eng bagi menyegerakan pemasangan CCTV di lokasi hitam di sekitar Pulau Pinang, pihak Kementerian ingin memaklumkan kerja-kerja bahawa pemasangan CCTV tersebut sedang dijalankan oleh pihak kontraktor iaitu Syarikat GTC Global Sdn. Bhd.

Kelewatan pemasangan CCTV di Pulau Pinang berlaku disebabkan permintaan pihak-pihak terlibat untuk menyemak lokasi penempatan CCTV tersebut serta permintaan untuk menyediakan link Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai ke Jabatan Polis di mana PBT tersebut telah membuat permohonan untuk mendapatkan pusat kawalan baru di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Daerah Timur Laut.

Berpandukan pada skop kerja asal, Kementerian akan menyediakan sebanyak 24 buah CCTV di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan 24 buah lagi di Majlis Perbandaran Seberang Perai akan siap beroperasi sepenuhnya pada 15 Julai 2010.

Dikeluarkan oleh,

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan